



## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

### MAKLUMAN BERKENAAN KENYATAAN PENJIMATAN KOS PEMBINAAN PROJEK LALUAN REL PANTAI TIMUR (EAST COAST RAIL LINK-ECRL) BERJUMLAH RM11.01 BILION OLEH Y.A.B PERDANA MENTERI PADA 21 DISEMBER 2022

Kementerian Pengangkutan ingin memaklumkan bahawa penjimatan RM11.01 bilion untuk Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa sidang media selepas selesai mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Disember 2022 merupakan perbandingan Kos Pembangunan Keseluruhan (*Total Development Cost-TDC*) antara Projek ECRL yang dilancarkan pada 2017 (ECRL 1.0) dan Projek ECRL yang sedang berjalan pada masa ini (ECRL 3.0).

Untuk makluman, TDC untuk ECRL 1.0 adalah berjumlah RM85.97 bilion merangkumi kos pembinaan sebanyak RM66.78 bilion dan kos pembangunan lain seperti Faedah Semasa Pembinaan (*Interest During Construction-IDC*), pengambilan tanah, pemindahan utiliti & yuran sambungan dan perbelanjaan mengurus berjumlah RM19.19 bilion.

Sebagai perbandingan, TDC untuk ECRL 3.0 yang sedang dalam pembinaan kini dianggarkan berjumlah RM74.96 bilion, terdiri daripada kos pembinaan yang jauh lebih rendah iaitu sebanyak RM50.27 bilion manakala kos pembangunan lain seperti IDC, pengambilan tanah, pemindahan utiliti & yuran sambungan dan perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM24.69 bilion.

Justeru, perbezaan TDC antara ECRL 1.0 dan ECRL 3.0 menghasilkan penjimatan sebanyak RM11.01 bilion bagi projek ECRL sebagaimana yang dinyatakan oleh Y.A.B Perdana Menteri semalam. Perbandingan ini ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah:

Bil.	Pecahan Kos	Kos Asal (ECRL 1.0) RM Bilion	Kos Pindaan (ECRL 2.0) RM Bilion	Kos Terkini (ECRL 3.0) RM Bilion
1.	Kos Pembinaan	66.78	44.0	50.27
2.	Kos Tanah/Fi TNB	7.55	8.92	7.55
3.	Kos pembatalan /penggantungan projek	-	1.00	1.10
4.	<i>Interest During Construction</i> (IDC)	11.09	11.70	15.59
5.	Perbelanjaan Mengurus	0.55	0.40	0.45
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>85.97</b>	<b>66.02</b>	<b>74.96</b>

Jadual 1: Perbandingan Kos Pembinaan Keseluruhan Projek ECRL



## HEBAHAN SEGERA



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Kementerian ini juga ingin menekankan bahawa kos pembinaan ECRL 3.0 yang lebih rendah ini dicapai melalui beberapa siri rundingan semula kontrak ECRL yang telah dimuktamadkan pada 2019 dan 2022. Beberapa faktor termasuk pelaksanaan Kejuruteraan Nilai (*Value Engineering-VM*) yang menyeluruh dan penjarangan semula landasan ECRL pada Seksyen C (Temerloh-Serendah-Pelabuhan Klang) telah menyumbang kepada pengurangan kos pembinaan keseluruhan.

Pada kos pembinaan sebanyak RM50.27 bilion, rakyat Malaysia kini dapat menikmati Projek ECRL yang telah ditingkatkan nilainya bagi perkhidmatan penumpang dan kargo iaitu pembinaan rel sepanjang 665 km dari Kota Bharu ke Pelabuhan Klang, pembinaan 20 stesen, pembinaan Serendah Bypass yang melancarkan pergerakan kargo dari utara serta pemanjangan rel dari Stesen Jalan Kastam ke kedua-dua terminal Westport dan Northport.

Kementerian ini ingin menzahirkan penghargaan kepada Y.A.B Perdana Menteri atas sokongan berterusan untuk memastikan Projek ECRL dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, seterusnya memberi manfaat kepada rakyat dan negara sebagaimana dirancang.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**  
**22 Disember, 2022**

**-TAMAT-**

---

### Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

### Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

Faks +603 8892 0208

E-mel [unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

